

29/09/1997

Negara membangun kongsi aspirasi

HAVANA, Ahad - Malaysia akan terus memainkan peranannya menggalakkan kerjasama lebih kukuh melalui perdagangan dan pelaburan di kalangan negara membangun yang berkongsi aspirasi bersama untuk berdikari.

Sehubungan itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, negara membangun harus sama-sama berusaha memperbaiki keadaan melalui kerjasama perdagangan dan kegiatan ekonomi yang lain.

Strategi globalisasi Malaysia juga menggalakkan industrinya mencari lokasi baru di negara-negara Selatan yang dianggap sesuai. Malah, industri negara sekarang berpindah ke lokasi baru bagi mencari sumber dan faktor pengeluaran terbiar dan murah.

Berucap di Jamuan Perniagaan Malaysia-Cuba tengah hari semalam, Perdana Menteri berkata syarikat-syarikat Malaysia juga berjaya meluaskan kegiatan ke seluruh dunia dalam industri perkhidmatan seperti perbankan dan projek berkaitan pelancongan.

"Kerana Cuba dan Malaysia mempunyai pasaran domestik yang kecil, amat penting bagi kita mengambil pendekatan global untuk mencapai dan mengekalkan pertumbuhan.

"Oleh itu, selain menerokai potensi ekonomi di kedua-dua negara ini, sektor swasta Cuba dan Malaysia perlu mencari peluang kerjasama dengan negara-negara ketiga," kata Perdana Menteri yang dalam rangka lawatan rasmi empat hari ke sini.

Selain delegasi rasmi, lawatan rasmi pertama Dr Mahathir ke sini, turut disertai oleh 69 usahawan Malaysia.

Ketika ini, nilai perdagangan Malaysia-Cuba amat kecil berikutan tumpuan yang hanya terhad kepada beberapa produk. Jumlah perdagangan kedua-dua negara tahun lalu hanya AS\$612,000 berbanding AS\$952,000 pada 1995.

Eksport utama Cuba ke Malaysia ialah alkohol untuk industri, manakala importnya pula merangkumi peralatan bunyi dan telekomunikasi serta pendingin udara.

Dr Mahathir berkata, Malaysia sedia bertukar maklumat dalam perubatan, bioteknologikal dan penyelidikan farmakiutikal, bidang yang Cuba menjadi pelopor di kalangan negara membangun.

Sebagai permulaan, Malaysia boleh menjadi pintu masuk produk dan perkhidmatan di bidang berkenaan ke rantau Asean yang mempunyai pasaran hampir satu bilion penduduk.

Raza Manufacturing Sdn Bhd dan Heber Biotec S A, syarikat pemasaran Pusat Kejuruteraan Genetik dan Bioteknologi (CIGB) di sini, sedang berunding kemungkinan membawa masuk produk CIGB ke Malaysia.

Perdana Menteri berharap projek itu berkembang ke peringkat usahasama untuk membina kemudahan pengeluaran dan penyelidikan di Malaysia supaya wujud pemindahan teknologi Cuba ke sana.

Selain bidang itu, Malaysia yang agak berpengalaman di bidang pelancongan sedia bertukar maklumat serta menyertai sektor pembinaan dan pengurusan kemudahan berkaitan pelancongan dengan negara ini.

Pelancongan kini menjadi industri yang paling pesat berkembang di Cuba dengan tahun lalu sahaja, buat kali pertama selepas era 50-an, negara ini mencatat kedatangan sejuta pelancong.

Dr Mahathir berkata, satu lagi bidang usahasama yang berpotensi ialah industri berkaitan barangan pertanian dan makanan. Padi Beras Nasional Berhad (Bernas) mempunyai perjanjian dengan Cuba untuk mengeluar, memproses dan mengedar beras di negara ini dan kawasan serantau.

(END)